

Hegemoni Dan Etnopolitik: Impak Terhadap Integrasi Nasional

Jazimin zakaria^{1*}, Asri Saleh², Ahmad Faiz Yaakob³

¹Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub, Malaysia

²Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Malaysia

³Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Malaysia

Abstract

Integrasi nasional merupakan antara asas penting kepada perpaduan pelbagai etnik untuk menunjangi pembinaan negara bangsa yang progresif dan inklusif. Artikel ini membahas kaitan hegemoni dan etnopolitik dalam kerangka lanskap politik di Malaysia sebagai sebuah negara bekas jajajahan British yang berlatarbelakangkan masyarakat plural. Semenjak merdeka pada tahun 1957, Malaysia mewarisi sistem politik British. Sistem demokrasi British ini pula telah diasimilasi dengan unsur tradisi sebagai salah satu daripada pra-syarat integrasi antara Etnik di negara ini. Oleh yang demikian, unsur hegemoni serta etnopolitik menjadi intipati kepada acuan integrasi nasional. Menggunakan pendekatan kualitatif, artikel ini menganalisa sumber sekunder rasmi dan tidak rasmi dalam perbahasan mengenai impak kedua-dua elemen hegemoni dan etnopolitik dalam hubungan etnik atau integrasi nasional di Malaysia. Artikel ini mendapati bahawa hegemoni yang terbentuk telah memberi kesan signifikan kepada integrasi nasional. Ia memiliki keterikatan yang kuat dengan etnopolitik dalam setiap dasar dan amalan masyarakat negara ini. Sekaligus, ia menjadi penyebab kepada wujudnya etnosentrik dalam setiap etnik di Malaysia. Justeru, ia telah menjadi antara sebab mengapa integrasi nasional kurang berjaya. Namun, meskipun hegemoni, etnopolitik dan etnosentrik telah menjejaskan integrasi nasional, ia kekal menjadi antara elemen dan naratif yang mendasari kestabilan politik negara ini.

Katakunci: Hegemoni, etnopolitik, demokrasi, etnosentrik, integrasi nasional, sekolah jenis kebangsaan

PENDAHULUAN

Received: 11 July 2020

Accepted: 30 November 2020

Published: 31 December 2020

Malaysia mempunyai ciri-ciri populasi yang bersifat heterogeneous. Kepelbagaian yang wujud dari kesan penjajahan British telah melakar sejarah besar kepada penduduk Malaysia pada hari ini. Populasi Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan pelbagai lagi. Komposisi etnik yang

*Penulis utama Tel.: +609-351555; fax: 09-3550776/1760.

Alamat e-mail: jazim668@uitm.edu.my.

wujud telah menjadikan ia sebagai sebuah negara yang unik sekaligus mengundang pelbagai cabaran. Dalam konteks Malaysia, pengurusan etnik merupakan salah satu perkara penting yang perlu diambilkira dalam membangunkan negara. Malahan, dasar-dasar pembangunan yang dirancang atau dilaksanakan mengandungi ciri-ciri keetnikan tersendiri. Bermula dengan penentangan kepada *Malayan Union* (MU) sehingga membawa kepada kebangkitan parti politik di peringkat nasional. Rentetan dari itu, parti-parti politik kebangsaan seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malays National Organisation* (UMNO) telah ditubuhkan. Kelahiran UMNO yang bersifat etnik jelas menunjukkan kewujudan etnopolitik yang telah sedia ada dan telah lama berkembang. Kemudian, *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian India Congress* (MIC) juga turut sama ditubuhkan sebagai parti politik berasaskan etnik. Di samping itu, terdapat juga parti-parti politik yang memperjuangkan kesamarataan yang berkonsepkan perkongsian kuasa namun tidak mendapat sambutan seperti PUTERA-AMCJA (1946) yang memperjuangkan kemasukan Singapura dalam pentabiran Tanah Melayu. Gerakan parti politik seperti Parti Buruh (1952) dan Parti Negara (1953) juga turut memainkan peranan penting dalam mewarnai politik tanah air sebelum 1957.

Walaupun bagaimanapun, selepas pilihanraya pertama pada tahun 1955, khususnya melalui penubuhan parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC boleh dilihat sebagai membawa antara petanda awal usaha penyatuan hubungan etnik dari sudut politik. Ia juga boleh dilihat sebagai integrasi sosial yang berjaya dicapai melalui konsensus bagi memperolehi legitimasi kuasa pemerintahan. Meskipun begitu, penyatuan yang berlaku tidak bersifat asimilasi. Parti perikatan yang terdiri daripada tiga parti politik ini mewakili tiga etnik utama merupakan tapak integrasi awal dalam persetujuan perkongsian kuasa di negara ini di mana. UMNO mewakili etnik Melayu, MCA mewakili etnik Cina dan MIC mewakili etnik India. Keputusan untuk bersama dalam pengkongsian kuasa telah membentuk etnopolitik yang kuat dari peringkat parti pemerintah sehinggalah hari ini. Pada 1973, parti Perikatan telah membentuk parti politik baru dengan nama Barisan Nasional (BN). Semenjak dari itu, BN menjadi parti dominan yang tidak pernah tewas dalam pilihanraya umum sehinggalah PRU ke-14 pada tahun 2018.

Pentadbiran BN sebagai satu parti politik dominan tanpa melalui proses peralihan kuasa politik kepada parti politik lain dilihat sebagai hegemoni politik. Menurut Hilley (2009), hegemoni politik adalah sesuatu kuasa pemerintahan yang tidak bertukar tangan semenjak dari pembentukan negara. Malahan, ia dilihat bercanggah dengan prinsip demokrasi yang menjadikan pertukaran kuasa politik adalah pra-syarat kepada sebuah negara demokrasi (Roskin 2001). Sebagai sebuah negara yang bercirikan

integrasi etnik di peringkat sosial masyarakat, elemen hegemoni dilihat menjadi pengikat kepada identiti masing-masing. Malah keterikatan yang begitu kuat telah menjadi halangan kepada pembinaan negara bangsa Malaysia. Dalam pada itu, antara ciri-ciri sesebuah negara hegemoni ialah bila mana unsur kawalan dilihat diwujudkan melalui institusi. Kebebasan bersuara juga tampak mempunyai ruang yang lebih kecil sama ada dari sudut kebebasan media atau masyarakat sivil (Verma 2001). Maka artikel ini bertujuan menganalisa elemen hegemoni yang wujud dalam komposisi masyarakat Malaysia sehingga hari ini. Selain itu elemen hegemoni ini turut dilihat sebagai faktor kepada masalah integrasi nasional yang menjadi sumber konflik etnik yang sering berlaku.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Artikel ini adalah hasil dapatan kajian yang dijalankan melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan data sekunder dari pelbagai sumber bagi tujuan menjustifikasikan perkaitan tema kajian dengan sub tema dari skop kajian. Sumber dari jurnal ilmiah, buku, data capaian agensi awam yang terlibat telah digarab masuk dalam pembinaan asas kajian dan perbincangan pokok. Analisa kandungan dan hasil temubual bersama tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar telah memenuhi objektif kajian ini. Oleh yang demikian hasil kajian yang bersandarkan pendekatan kualitatif ini telah digunakan untuk menjelaskan perkaitan hegemoni dan politik etnik (etnopolitik) sekaligus melihat implikasi kepada integrasi nasional secara keseluruhan.

HUBUNGAN HEGEMONI DAN ETNOPOLITIK

Hegemoni merupakan penguasaan politik dan budaya secara umum. Dominasi budaya dan pemaksaan identiti menjurus kepada penguasaan ke atas masyarakat dan mengekalkan kuasa pemerintahan. Menurut Muhammad Nadzri & Ghazali (2008), hegemoni boleh didefinisikan sebagai penguasaan atau dominasi yang membawa kepada kerelaan dan persetujuan ke atas norma oleh masyarakat sama ada bersifat keras atau halus. Gramsci (1971) sebagai pelopor teori hegemoni mendefinisikan ia sebagai kawalan sosial yang dilakukan bagi membentuk pemikiran dan kerelaan di kalangan masyarakat. Dalam ertikata lain, ia merujuk kepada dominasi ke atas sosial atau norma masyarakat secara paksaan atau kerelaan. Walaupun begitu, hegemoni menurut Gramsci tidak begitu tepat digambarkan dengan politik Malaysia secara keseluruhan. Penjajahan budaya dan pemaksaan nilai oleh pemerintah atau etnik dominan hanya berlaku di

negara yang mengamalkan asimilasi paksaan seperti Thailand dan Indonesia. Asimilasi paksaan merupakan asimilasi yang dilakukan secara keras oleh pemerintah dengan penghapusan identiti etnik dengan mengharamkan semua perlambangan seperti budaya, pendidikan dan bahasa. Thailand dan Indonesia pernah mengharamkan penubuhan sekolah cina, persatuan dan bahasa atas nama pembentukan negara bangsa (Chua, 2003). Manakala pemaksaan ekonomi dilihat melalui konsep negara kuat namun hegemoni yang sebenar hanya wujud dari sudut pengekalan kuasa politik seperti BN. Walaupun Hall (1985) menjelaskan dominasi kuasa dan pembentukan struktur masyarakat melalui kuasa dominan pemerintah, tetapi ia lebih kepada nilai yang membentuk masyarakat dan diterima. Bagi Lull (1995) pula, hegemoni merupakan proses yang tidak lengkap terutama sekali dalam konteks politik. Ia tidak bersifat tetap dan masih bergantung kepada tindak balas masyarakat atau rakyat.

Hegemoni dalam konteks politik sebuah negara menawarkan penguasaan melalui institusi dan mobiliti sosial. Walaupun ia tampak lebih tenang dan tersusun ia adalah bercanggah dengan prinsip demokrasi secara liberal. Oleh yang demikian mendefinisikan hegemoni melalui prinsip demokrasi semata-mata tidak cukup bagi kajian ini. Ia perlu disesuaikan dengan faktor-faktor atau elemen setempat atau latarbelakang kajian fokus. Dalam konteks Malaysia elemen yang perlu diambilkira adalah transisi demokrasi yang berlaku pada negara ini. Bagi sebuah negara yang masih memegang prinsip demokrasi ia perlu dibentuk dengan lebih berhati-hati agar dapat menjauhkan konflik yang bakal wujud. Kesetaraan dalam ruang demokrasi tanpa mengambilkira unsur tradisi dan latarbelakang sejarah hanya memberi gambaran buruk seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969. Hal yang sama turut berlaku kepada Indonesia 1998 dan konflik etnik lain di Asia dan Eropah. Dalam pada itu memahami hegemoni harus juga dilihat kepada kesan penjajahan yang merubah keseluruhan sistem sosial sesebuah negara. Malah melihat hegemoni dari sudut demokrasi semata-mata adalah sesuatu yang tidak tepat kerana sisi gelap demokrasi turut hadir bersama pembersihan etnik dan penindasan kapitalis dalam sesebuah sistem bernegara (Mann 2014; Chua 2003; Horowitz 1998).

Dalam pada itu hegemoni yang dibincangkan dalam konteks kajian ini turut menghubungkan politik perkauman atau etnopolitik yang dilihat memberi kesan kepada kestabilan politik dan pembangunan negara. Rentetan dari itu Malaysia sering dikaitkan dengan hegemoni kuasa politik semenjak merdeka lagi. Kewujudan hegemoni yang masih berpaksikan sejarah dan unsur tradisi dizahirkan dalam bentuk dasar-dasar pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Oleh itu dalam memahami hegemoni Malaysia, latarbelakang sejarah dan demografi harus diambilkira. Selain itu konteks perbincangan hegemoni juga perlu

diperluaskan kepada komposisi masyarakat yang pelbagai termasuk kewujudan etnik minoriti yang jelas memberi kesan kepada dasar sosial, ekonomi dan pembangunan negara. Etnopolitik di Malaysia jelas bermula sebelum kemerdekaan lagi dengan pembentukan UMNO dalam menentang gagasan Malayan Union (Wade 2014). Keterikatan etnik yang kuat dalam mempertahankan hak pribumi telah berjaya membentuk tekanan politik sekaligus menonjolkan etnopolitik dalam perjuangan kemerdekaan. Malah ia turut dilihat dalam kemenangan parti perikatan melalui pilihanraya 1955 dengan parti politik mewakili etnik. Gerakan kemerdekaan yang diorientasikan melalui keetnikan telah menunjangi perjuangan parti politik etnik termasuk Melayu, Cina dan India.

Selain itu dalam melihat hegemoni politik di Malaysia, era Mahathir telah merakamkan hegemoni yang agak kuat berbanding dengan kepimpinan politik lain di negara. Walaupun dasar ekonomi baru telah diterjemahkan semasa kepimpinan Tun Razak namun pengukuhan dan pelaksanaan yang lebih jitu diteruskan oleh Mahathir bagi kelancaran dasar-dasar pembangunan (Sity 2003; Slater 2012). Oleh yang demikian terdapat unsur kawalan yang tinggi berbentuk undang-undang telah digunakan bagi menjaga kestabilan politik sekaligus mengawal rakyat (Marzuki 2007). Kritikan kepada tindakan beliau telah mengundang kepada pemakaian Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Hasutan 1948, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1976 dan sebagainya. Hegemoni Mahathir dilihat lebih menekankan nilai asia yang mempunyai ciri demokrasi tersendiri sebagai acuan negara membangun beliau (Hilley 2009; Khoo 2001). Keterbukaan dasar pembangunan beliau jelas membawa pelaburan ekonomi dan kemakmuran namun tidak dari sudut liberalisme politik dan sosial. Kebebasan bersuara dalam mengangkat lunas-lunas demokrasi dilihat lebih terbatas demi menjaga ketabihan politik dan masyarakat (Somun 2003; Azizuddin 2017).

Kepimpinan Mahathir dilihat sebagai semi demokrasi yang secara praktis melaksanakan prinsip-prinsip demokrasi tetapi memberi limitasi melalui kawalan dan authoritarian demokrasi yang terbentuk melalui institusi (Case 1993; Slater 2003). Unsur hegemoni yang kuat menjadikan Malaysia dilahirkan dalam rekabentuk demokrasi tersendiri. Malah Levitsky dan Way (2001) turut melihat demokrasi Malaysia sebagai demokrasi yang bersifat kompetitif kerana penolakkan kepada prinsip-prinsip demokrasi dalam merealisasikan matlamat dasar dan keputusan politik. Walaupun begitu, tidak dinafikan beliau telah berjaya memacu Malaysia menjadi sebagai sebuah negara yang membangun dan berdaya saing pada 1980an sehingga 1990an. Kewujudan kelas menengah dalam sosio-ekonomi masyarakat telah terbukti berjaya merapatkan jurang antara etnik atau kaum (Sity 2003; Jomo dan Wee 2013, Muhammed 2014).

Hegemoni politik jelas dengan dominasi pemerintahan BN yang diketuai oleh UMNO yang mewakili etnik Melayu bersama parti komponen yang lain seperti Malaysia Chinese Association (MCA) dan Malaysia Indian Congress (MIC). UMNO mempunyai teras perjuangan Melayu diangkat menjadi parti yang kekal memerintah selama 60 tahun. Oleh yang demikian agenda pembangunan etnik Melayu diteruskan bersama pengekalan kuasa politik pemerintahan serta menguruskan etnik lain dengan berhati-hati. Pluralisme masyarakat Malaysia telah diuruskan dengan unsur kawalan yang kuat bagi memastikan kestabilan politik terus dipelihara sehingga meminggirkan prinsip demokrasi dalam pengurusan negara. Masyarakat terus dikawal dengan undang-undang tertentu atas nama kesabilan politik (Azizuddin 2017). Namun begitu agenda pembangunan turut dilihat sebagai salah satu cara hegemoni terus berlaku serta dieksploitasi bagi tujuan tertentu (Hilley 2005). Menurut Verma (2001), dasar pembangunan seperti DEB tidak harus fokus kepada sesuatu etnik sahaja. Keadaan ini sekaligus menunjukkan unsur hegemoni dalam politik Malaysia. Era Mahathir telah menyaksikan banyak penguasaan syarikat swasta oleh etnik Melayu atau Bumiputera. Malah syarikat lain yang bukan Melayu pula mendapat keistimewaan melalui sistem penaungan (Gomez, 2014). Keadaan ini turut dilakukan kepada penguasaan sektor perbankan yang memberi faedah kepada parti politik pemerintah (Gomez & Jomo, 1997). Hal ini merupakan ciri hegemoni yang jelas dalam konteks campurtangan ekonomi. Walaupun terdapat objektif yang tersasar ia tidak dinafikan memberi impak positif kepada pemilikan ekuiti etnik Melayu (Ishak, 2000; Sity, 2003). Kewujudan korporat dan kelas pertengahan dari etnik Melayu jelas merapatkan jurang sosio-ekonomi yang luas antara etnik lain (Muhammed, 2014; Jamaie 2003).

Abdullah pula dilihat meneruskan legasi hegemoni tetapi tampak lebih liberal. Perubahan besar kepimpinan Abdullah dengan mengangkat prinsip integriti dan demokrasi telah menggugat hegemoni BN dalam pilihanraya 12 pada 2008. Malah prestasi BN telah semakin merosot sehingga pilihanraya 13 pada 2013 terutama sekali sokongan bukan Melayu kepada UMNO (Kessler, 2018). Dasar integriti Abdullah telah mempertaruhkan hegemoni BN dengan melakukan pembersihan kepada kepincangan pentadbiran kerajaan era Mahathir. Memulihkan imej kehakiman dengan semakan semula kes pemecatan Tun Salleh Abas telah mengembalikan integriti kehakiman kepada negara. Selain itu pembersihan terus dilakukan dengan memperkasakan badan pencegahan rasuah melalui penjenamaan semula dengan meluaskan bidang kuasa institusi tersebut. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan badan yang lebih bebas serta tidak diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Selain itu Abdullah bersedia menerima kritikan terbuka kepada pentadbiran beliau sehingga menggugat hegemoni BN dengan kebangkitan masyarakat sivil yang lebih agresif dalam menyampaikan hak kepentingan mereka. Era Abdullah memberikan penanda

aras baru dalam pendemokrasian di Malaysia. Kebangkitan masyarakat sivil seperti Hindu Rights Action Force (HINDRAF), Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH) serta banyak lagi NGO lain telah menunjukkan partisipasi mereka dalam Pilihanraya Umum (PRU) Ke-12 (Weiss 2009; Khoo 2018).

Seterusnya pentadbiran Najib di peringkat awal mempunyai prospek yang lebih jelas dalam soal pembangunan. Dasar transformasi beliau dilihat dapat meningkatkan imej BN sekaligus meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih mampan melalui program transformasi kerajaan (GTP). Selepas transformasi pentadbiran dilakukan, transformasi ekonomi dan politik dilihat mula bermasalah. Keberanian beliau dalam menghapuskan Akta Keselamatan Dalam negeri 1960 (ISA) telah membuka ruang sentimen agama dan perkauman. Kes-kes perkauman didapati telah meningkat lebih daripada 10 peratus setiap tahun sehingga 2017. Najib melakukan pengenduran kawalan kepada kepimpinan beliau. Hegemoni era Najib dilihat lebih liberal dan berani berbanding dua kepimpinan sebelum ini. Akta Langkah-langkah Khas Keselamatan 2013 (SOSMA) dan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1973 (pindaan 2013) telah membenarkan mahasiswa berpolitik. Selain dari melepaskan tahanan ISA pada awal kepimpinan beliau, Akta Buang Negeri dan Ordinan darurat turut dimansuhkan bagi menunjukkan orientasi kepimpinan beliau terhadap pendemokrasian. Di samping itu Akta Perhimpunan Aman 2012 turut membenarkan protes diadakan secara aman tanpa mendapatkan permit dari pihak polis berbanding sebelum ini. Hal ini merupakan usaha beliau dalam melunaskan prinsip demokrasi. Dalam masa yang sama mengurangkan hegemoni kepada kepimpinan beliau. Hal ini ditambah lagi pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan usaha beliau dengan menjadikan *Government Link Company* (GLC) sebagai syarikat yang memperoleh tender kerajaan melalui One Malaysia Development Berhad (1MDB). Penubuhan 1MDB telah menjadi isu utama campurtangan kerajaan dalam transaksi perniagaan kerajaan dan swasta. Melalui isu ini Najib telah dikaitkan dengan skandal penyalahgunaan kuasa dan penggubahan wang haram yang masih di peringkat perbincangan. Kepimpinan beliau telah dituduh sebagai kleptokrasi oleh parti politik Pakatan Harapan dan menyumbang kepada kekalahan BN sekaligus menamatkan era hegemoni UMNO bersama parti komponennya dalam PRU ke-14.

Hegemoni di Malaysia sering dilihat dalam konteks politik semata-mata. Namun hegemoni melalui pemahaman Gramsci turut membawa dominasi budaya dan identiti. Dalam kajian ini hegemoni budaya mempunyai hubungan yang kuat dengan etnopolitik di negara ini. Etnopolitik atau politik etnik merupakan interaksi politik antara etnik. Menurut Mustafa (2014), etnopolitik wujud apabila terjadi persaingan antara etnik untuk mendapatkan kuasa atau rasa terancam dengan keadaan ekonomi. Malah sejarah

kemerdekaan dan penubuhan Malaysia dicorakkan dengan etnopolitik seperti yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu dengan kewujudan parti-parti politik yang mewakili etnik atau kaum-kaum tertentu (Wade, 2014; Segawa, 2013). Maka hegemoni untuk mengekalkan kuasa bagi etnik Melayu telah menjadi signifikan apabila melihat kepada faktor sejarah dan unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan. Walaupun begitu hegemoni politik berbentuk ketuanan Melayu dan keistimewaan Melayu itu dimeterai dengan kontrak sosial dalam konteks pembelaan kepada etnik lain. Kontrak sosial harus dilihat sebagai tapak integrasi yang menjadi mekanisme kepada keamanan dan keharmonian antara kaum (Shamsul Amri, 2014). Oleh itu hegemoni politik yang menjaga hak istimewa itu turut menjaga hak kaum lain melalui integrasi sosial.

Di negara ini hegemoni budaya dan identiti harus juga dilihat dalam konteks yang lebih praktikal. Fukuyama (2018) sendiri membincangkan politik identiti yang menjadi sumber konflik masyarakat. Persaingan mengangkat identiti muncul dalam pakej hegemoni dengan memastikan relevansi sesuatu etnik itu kekal dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian usaha untuk mengekalkan bahasa ibunda seperti kewujudan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) boleh dianggap perkaitan antara hegemoni dan etnopolitik yang lengkap. Perjuangan politik identiti yang kuat mampu menggerakkan perhimpunan di Tokong Thean Hou pada 1987 yang sarat dengan sentimen perkauman sehingga membawa kepada Operasi Lalang. Malah Tsunami Cina pada pilihanraya 13 berlaku kerana kehilangan sokongan bukan Melayu terhadap kepimpinan BN memperlihatkan bahawa politik identiti masih segar dalam masyarakat Malaysia sehingga hari ini. Justeru kemenangan besar DAP telah menunjukkan perjuangan kelas etnik bersama pakej ekonomi mereka masih mendapat tempat di kalangan etnik Cina berbanding MCA.

Impak Integrasi Nasional

Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, hegemoni dan etnopolitik pada hakikatnya tidak mungkin dipisahkan dari politik Malaysia. Acuan masyarakat dan lanskap politik negara ini telah mendedahkan risiko konflik dalam sosialisasi politik. Hal ini memberi kesan kepada integrasi nasional atau hubungan etnik yang sangat signifikan untuk terus dipelihara. Terdapat dua impak utama terhadap integrasi nasional. Pertama, kewujudan kelas ekonomi. Hegemoni dalam memastikan status quo dilihat memberikan impak kepada integrasi nasional apabila menafikan hak-hak etnik lain. Namun pengagihan kekayaan yang hanya menfokuskan kepada sesuatu etnik hanya mewujudkan kelas sosial yang luas (Gomez; Verma, 2002; Syed Husin, 2015). Malaysia mengamalkan konsep keadilan dalam aspek sosio-ekonomi serta sistem pencucuaian yang bersifat progresif. Kelas ekonomi yang terwujud atau

ketidakseimbangan ekonomi hanya mengundang konflik dan prejudis. Walaupun begitu Malaysia tidak dinafikan mengamalkan hegemoni dalam konteks politik serta dasar yang bersifat afirmatif kepada Bumiputera atau Melayu (Hilley 2009). Dalam masa yang sama kelas ekonomi bagi pendapatan isi rumah mengikut etnik masih mempunyai jurang yang agak luas. Secara rasional hegemoni dalam mengangkat ketuanan Melayu dilihat bersifat afirmatif kepada etnik Bumiputera di atas dasar kedudukan pendapatan isi rumah Bumiputera masih lagi di peringkat paling bawah dengan peratus kemiskinan yang paling tinggi sebanyak 0.5 peratus berbanding Cina dan India sebanyak 0.1 peratus. Jurang ini adalah agak besar kerana berdasarkan peratusan komposisi kaum di Malaysia.

Jadual 1: Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik dan Strata 2002-2016

	2002	2004	2007	2009	2012	2014	2016
Malaysia	5.1	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6	0.4
Etnik							
Bumiputera	7.3	8.3	5.3	5.3	2.2	0.8	0.5
Cina	1.5	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1	0.1
India	1.9	2.9	2.6	2.5	1.8	0.6	0.1
Lain-lain	14.3	6.9	10.1	6.7	1.5	0.9	1.5
Strata							
Bandar	2.0	2.5	1.9	1.7	1.0	0.3	0.2
Luar Bandar	11.4	11.9	7.1	8.4	3.4	1.6	1.0

Sumber: Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam ertikata lain kewujudan jurang ekonomi yang luas jelas menjadi punca konflik di sekitar semenanjung Tanah Melayu sehingga pasca pembentukan Malaysia 1963 seperti Pulau Pangkor Perak 1959, Bukit Mertajam Pulau Pinang 1964 dan Kuala Lumpur 1965 (Comber 2011). Walaupun tragedi 13 Mei 1969 merupakan konflik etnik yang terbesar dalam sejarah negara ini namun ia telah memberi ruang kewujudan dasar ekonomi baru yang dilihat dapat menyelesaikan masalah jurang ekonomi tersebut. Kedua, pengasingan sistem pendidikan. Dari sudut penguasaan budaya yang telah disebut dalam hegemoni Gramsci, Malaysia tidak melakukan asimilasi identiti dan budaya seperti di negara Eropah dan Asia. Pengekalan identiti masih diteruskan dengan dasar integrasi nasional yang bersifat inklusif. Hal ini jelas dilihat melalui etnopolitik yang terbina semenjak kemerdekaan lagi. Malah pengekalan budaya dan identiti bagi semua etnik di negara ini terus diraikan dengan menjadikan ia sebagai sebahagian daripada budaya kebangsaan (Mustafa, 2014). Justeru pendidikan juga turut diberikan akses untuk semua etnik dengan dasar yang berasaskan meritokrasi kuota kemasukan ke Universiti sebanyak 50 peratus untuk bumiputera dan 50 peratus lagi untuk etnik lain selepas 2013.

Namun begitu hegemoni yang wujud dari sosial telah menjadikan sistem pendidikan negara tidak menepati matlamat integrasi nasional. Menurut Cahsin (2007), Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang kompleks dengan latarbelakang yang pelbagai turut berdepan dengan masalah integrasi sosial apabila mahkamah tinggi membenarkan komuniti untuk tidak perlu menyekat atau mencegah pengasingan di sekolah awam. Keputusan tersebut telah menyumbang masalah yang lebih parah melalui lambakan pelajar mengikut etnik masing-masing tanpa dipaksa untuk bercampur. Tahun 1991 hingga 2002 telah menyaksikan perpecahan etnik kulit putih, Latino dan kulit hitam melalui sekolah awam mengikut komuniti. Keadaan tersebut telah mencatatkan pengumpulan etnik kulit hitam sehingga 48 peratus berbanding lain di sekolah-sekolah luar bandar dan kurang membangun. Hal ini telah secara tidak langsung telah mewujudkan segregasi di peringkat sekolah sekaligus menjejaskan integrasi nasional.

Selain itu Hegemoni dilihat dalam pelbagai sudut termasuk pendidikan. Hegemoni sosial secara umum berlaku dalam pendidikan seringkali berbentuk doktrinisasi masyarakat atau generasi. Namun dalam konteks Malaysia, Hegemoni sosial dilihat cuba mengekalkan status quo dengan menjadikan alasan inklusifnes sebagai pengekalan identiti dan budaya. Hal ini turut dilihat sebagai hegemoni identiti yang bersifat etnosentrik. Keadaan ini telah menjejaskan integrasi nasional. Perjuangan yang kuat dari masyarakat sivil seperti Dong Zhong dalam mengekalkan status quo sekolah Cina sebelum kemerdekaan lagi merupakan salah atau hegemoni sosial yang jelas. Penentangan mereka kepada Penyata Barnes 1961 dalam kajian sistem pendidikan di Malaysia telah berjaya mengekalkan sekolah Cina sehingga ke hari ini. Keadaan yang sama juga berlaku kepada sekolah Tamil dan sekolah-sekolah persendirian yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah. Segregasi budaya dan bahasa melalui pendidikan adalah sesuatu yang berbahaya kepada masyarakat plural. Persekitaran dan interaksi yang terasing menyediakan set minda yang berbeza sekaligus menyumbang kepada prejudis antara satu sama lain (Parekh, 2005). Usaha penyatuan menjadi tergendala disebabkan hegemoni yang kuat melalui pendidikan. Malaysia telah mengamalkan dua sistem pendidikan iaitu pendidikan kebangsaan dan vernakular.

Di atas dasar integrasi sosial, Malaysia mengekalkan status quo dalam membentuk masyarakat yang mempunyai satu identiti. Walaupun era Mahathir telah membawa matlamat bangsa Malaysia yang menyatukan rakyat berbilang bangsa dengan satu identiti. Namun hegemoni yang kuat dipengaruhi etnopolitik telah mencorakkan dasar pendidikan melalui etnik atau kaum masing-masing sekaligus meninggalkan matlamat bangsa Malaysia. Sistem pendidikan tunggal sangat penting bagi menyatupadukan bangsa agar dapat mengelakkan konflik. Hal ini kerana pendidikan merupakan mekanisme integrasi yang terbaik bagi merobohkan tembok perbezaan bagi mengelakkan eksploitasi dari ahli politik tertentu (Heynemen, 2006).

Jadual 2: Bilangan Sekolah SK, SJKC & SJKT Mengikut Negeri Sehingga Tahun 2015

Negeri	Sekolah Kebangsaan	Sekolah Jenis Kebangsaan (C)	Sekolah Jenis Kebangsaan (T)
Johor	619	215	70
Kedah	397	90	58
Kelantan	402	15	1
Melaka	150	65	21
Negeri Sembilan	206	82	61
Pahang	426	74	37
Perak	532	186	134
Perlis	63	10	1
Pulau Pinang	153	90	28
Sabah	988	83	0

Sarawak	1044	221	0
Selangor	447	111	97
Terengganu	342	10	0
WP Kuala Lumpur	145	42	15
WP Labuan	15	2	0
WP Putrajaya	14	0	0
Jumlah	5943	1296	523

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan jadual tersebut sekolah jenis kebangsaan (SJK) 31 peratus daripada sekolah kebangsaan (SK). Malah ia jelas menunjukkan Johor, Perak, Sarawak dan Selangor merupakan negeri paling banyak sekolah jenis kebangsaan yang jelas menunjukkan ramai komposisi penduduk berketurunan Cina dan India lebih banyak di negeri Perak dan Selangor.

Jadual 3: Peratusan Duzhong yang Menggunakan Bahasa Cina Dalam Pengajaran Matematik, Sains, Geografi dan Sejarah

Mata pelajaran	1973 (%)	1983(%)	1973(%)	1983(%)
Matematik	37	75	34	79
Sains	37	82	33	73
Geografi	44	85	42	73
Sejarah	60	98	58	83

Sumber: Dong Zhong (2004: 928) dalam Tan Yao Sua Pendidikan cina di Malaysia: sejarah, politik dan gerakan perjuangan (2014: 295)

Selain itu jadual di atas menunjukkan lebih 50 peratus bahasa Mandarin digunakan dalam pengajaran di SJK iaitu bagi empat mata pelajaran iaitu matematik, sains, geografi dan sejarah. Pengasingan bahasa merupakan isu yang jelas dengan dengan sistem pelajaran yang sangat berbeza dari sekolah kebangsaan. Malah bahasa memainkan peranan penting dalam interaksi yang menjadi medium untuk saling mengenali dan memahami (Suzana, 2004). Walaupun terdapat usaha untuk menyatukan semua etnik di samping mengekalkan sistem pendidikan SJK dalam sistem pendidikan kebangsaan seperti penubuhan Sekolah Wawasan. Ia masih tidak mendapat sambutan malah mendapat tentangan hebat dari Dong Jiao Zong (Gabungan Persekutuan Lembaga Sekolah-sekolah Cina) dengan beralasan menghilangkan ciri-ciri sekolah Cina. Keterikatan yang kuat terhadap identiti dan budaya ini dilihat sebagai hegemoni budaya yang kuat sehingga secara tidak langsung menjadi penghalang kepada integrasi nasional.

Jadual 4: Statistik Perselisihan Faham Melibatkan Etnik/Kaum Mengikut Negeri Bagi Tahun 2010 Hingga 2017

NEGERI	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah
Johor	296	165	199	211	283	184	144	179	1661
Selangor	156	83	44	44	58	42	168	93	688
Melaka	120	72	103	95	103	66	168	93	820
Perak	108	94	59	51	60	49	57	89	567
P.Pinang	108	58	38	45	111	54	102	82	598
N.Sembilan	93	84	88	60	76	72	55	112	640
Pahang	56	52	19	33	26	10	19	27	242
K.Lumpur	49	45	50	45	55	21	63	41	369
Kedah	36	37	42	9	33	11	13	10	191
Perlis	15	5	5	2	6	-	4	5	42
Kelantan	13	11	1	2	4	2	2	3	26
Terengganu	6	3	2	5	1	2	1	1	20
Sabah	2	1	-	1	1	1	0	0	6
Sarawak	2	-	2	2	3	1	3	1	14
Jumlah	1060	710	652	605	820	516	686	705	5754

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Jadual di atas mempunyai perkaitan dengan sistem persekolah yang berasingan. Jadual ini memaparkan jumlah kes etnik atau kaum yang telah dilaporkan semenjak dari tahun 2010 sehingga 2017. Di kebanyakan negeri masih mempunyai penambahan kes lebih dari 10 kes setiap tahun kecuali di Sabah, Sarawak dan negeri-negeri yang bercirikan heterogeneous. Walaupun terdapat penurunan ia masih dilihat agak tinggi. Terdapat negeri yang mencatat jumlah tertinggi seperti Johor dengan berlaku peningkatan kes selepas 2013 dan 2017. Begitu juga di Perak dan Negeri Sembilan yang menunjukkan jumlah yang tinggi. Terdapat persamaan untuk negeri yang mempunyai kes perkauman yang tinggi iaitu kewujudan sekolah jenis kebangsaan yang tinggi seperti di Johor, Perak dan Selangor. Namun Sarawak dan Sabah menunjukkan kes perkauman yang paling rendah walaupun mempunyai SJK yang tinggi berbanding jumlah SJK di semenanjung Malaysia. Hal ini disebabkan geopolitik di Sabah dan Sarawak lebih stabil dan kepelbagaian yang wujud tidak dicemari secara langsung oleh etnopolitik yang kuat seperti di semenanjung Malaysia. Berdasarkan peratusan kes yang konflik etnik jelas bahawa pendidikan membuat perkaitan yang rapat dalam membentuk integrasi sosial. Dalam ertikata lain hegemoni sosial dalam masyarakat Malaysia dilihat sangat kuat sehingga memberi kesan kepada sistem pendidikan sehingga menjejaskan integrasi nasional. Malah etnopolitik yang mengikat setiap masyarakat yang bebeza latarbelakang negara ini telah menjadikan sosialisasi politik lebih berbahaya. Hal ini jelas dengan melihat peningkatan kes pada tahun 2013 dan 2014 yang menyaksikan peningkatan 11 negeri kecuali Sabah, Pahang dan Terengganu. Tahun 2013 merupakan tempoh Pilihanraya Umum ke-13 yang sarat dengan kempen-kempen politik yang

menyentuh soal kelangsungan setiap etnik di negara ini. Selain itu tempoh ini juga berada dalam tempoh selepas pemansuhan ISA. Hal ini jelas merupakan kelonggaran kepada hegemoni politik BN dalam memberi ruang yang lebih luas bagi sebuah negara demokrasi sekaligus menjadi faktor peningkatan kes-kes tersebut.

KESIMPULAN

Perbincangan hegemoni harus dilihat dari pelbagai sudut. Seringkali Malaysia dikaitkan dengan hegemoni dari sudut politik yang menyaksikan usaha kaum Melayu dan Bumiputera mengekalkan kuasa mereka dalam bentuk dasar-dasar sosial, pembangunan dan ekonomi. Namun begitu setelah melihat kepada hegemoni dengan lebih mendalam, hegemoni budaya tidak berlaku secara mutlak dalam konteks ketuanan Melayu kerana masih wujud elemen integrasi nasional dalam kalangan masyarakat. Walaupun begitu hegemoni yang sebaliknya berlaku apabila etnik minoriti yang mempunyai hak yang sama masih mengekalkan status quo sehingga wujud salah tafsir terhadap elemen inklusifnes yang diamalkan di Malaysia. Akhirnya hegemoni yang terbentuk memberi kesan kepada integrasi nasional. Oleh yang demikian hegemoni dilihat mempunyai keterikatan yang kuat dengan etnopolitik dalam setiap dasar dan amalan masyarakat negara ini. Etnosentrik yang wujud dalam kalangan setiap etnik atau kaum di Malaysia dilihat mendasari kestabilan politik Malaysia serta memberi kesan kepada sosialisasi masyarakat. Justeru dengan memahami keterikatan hegemoni dalam kelompok masyarakat negara ini masalah integrasi nasional dapat ditangani dengan baik melalui penggubalan dasar yang lebih dekat masyarakat.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2015). *Negara-bangsa: proses dan perbahasan* (ed.2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cashin, S.D. (2007). Racism is still a serious problem. In L.S. Friedman, *Racism*. (pp. 14-18). United States of America: Thomson Gale.
- Chua, A. (2003). *World on fire: How Exporting free market democracy breeds ethnic hatred and global instability*. New York: Anchor Books.
- Columbia: Columbia University Press.
- Comber, L. (2011). *Peristiwa 13 Mei Sejarah perhubungan Melayu-Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Coyne, C.J. 2007. *After War: the political Economy of Exporting Democracy*. United States of America: Stanford University Press.

- Crouch, H. (1996). *Government and society in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Esman, M. J. (1994). *Ethnic Politics*. United States of America: Cornell University Press.
- Fukuyama, F. (2018). *Identity: The Demand for Dignity and the Politics of Resentment*. United States of America: Farrar, Straus and Giroux.
- Gomez, E.T & Johan Saravanamuthu. (2012). *The new economic policy of Malaysia: affirmative action, ethnic inequalities*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Hall, J. (1985). *Power and liberties*. Oxford: Basil Blackwell.
- Heynemen, S.P. (2000). From the party state to multi-ethnic Democracy: education and social cohesion in Europe and central Asia. *Educational evaluation and policy analysis*, 2290(2): 172-191.
- Horowitz, D. L. (2001). *The deadly ethnic riot*. United States of America: University of California Press.
- Ishak Shari. (2000). Globalisasi ekonomi: proses dan realitinya. Dlm. Norani Othman & Sumit k. Mandal (pnyt.). *Malaysia menanggapi globalisasi: peserta atau mangsa?* hlm. 46-70. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Janoski T. (1998). *Citizenship and civil society*. United Kingdom: Cambridge university press.
- Jomo, K. S. & Gomez, E.T. (1997). *Malaysia's Political Economy: Politics, patronage and profits*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Lull, J. (1995). *Hegemony. Media, Communications and Culture: A Global Approach*.
- Milton G. M. (1964). *Assimilation in America life: The role of race religion and national origins*. New York: Oxford University Press.
- Mohamed Mustafa Ishak. (2014). *Politik bangsa Malaysia: Pembinaan bangsa dalam masyarakat pelbagai etnik*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Utara Malaysia Press.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. (2017). Mother of all elections. Dlm. Mohd Azizuddin Mohd Sani & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan (Pnyt.). *Democracy at Work in Malaysia*. hlm. 7-24. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Muhammed Abdul Khalid. (2014). *The colour of inequality: ethnic, class, income and wealth in Malaysia*. Petaling Jaya MPH Group Publishing sdn bhd.
- Nuriyuki Segawa. (2013). Ethnic politics in Malaysia: Prospects for national integration. *Journal of Asian Studies Review*, 19(2): 210-232.
- Ooi Kee Beng. (2006). *Era of transition Malaysia after Mahathir*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

- Parekh, B. (2005). Unity and diversity in multicultural societies. *Lecture delivered at the International Institute for Labour Studies, Geneva. Available at < www.ilo.org/public/english/bureau/inst/download/1parekh.pdf>. Introduction, 25.*
- Roskin, M, G, Cord, R, L, Medeiros, J, A, Jones, W, S. 2003. *Political Sciences an introduction*. Ed. Ke-8. United States: Prentice Hall.
- Shamsul Amri Baharuddin & Anis Yusal Yusoff. (2014). *Perpaduan kesepaduan penyatupaduan: satu negara, satu akar, tiga konsep keramat*. Institut kajian Etnik (KITA). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Sity Daud. (2003). Negara pembangunan malaysia: daripada dasar ekonomi baru kepada dasar pembangunan nasional. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suzana Sulaiman. (2013). *Perpaduan pelajar pelbagai etnik: Kehidupan seharian pelajar program diploma tahunan dua, sesi pengajian 2012/2013 Universiti Malaysia Perlis*. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA. e-ISBN 978-967-11768-1-8. Organized by WorldConferences.net.
- Syed Husin Ali. (2015). *Ethnic relations in malaysia harmony & conflict*. Kuala Lumpur: Strategic information & research Development Centre Malaysia.
- Tan Yao Sua. (2014). *Pendidikan cina di malaysia: Sejarah, politik dan gerakan perjuangan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Vidhu Verma. (2002). *Malaysia, state and civil society in transition*. London: Lynne Rienner Publishers.
- Wade, G. (2014). The origins and evolution of ethnocracy in malaysia. Dlm. Sophie Lemiere (pnyt.). *Misplaced democracy*. hlm. 3-26. Kuala Lumpur: Strategic information and development centre malaysia.
- Weiss, M. L. (2009). *Edging Toward a New Politics in Malaysia: Civil society at the gate? Asian Survey* 49 (5): 741–758.